

E-BULETIN
EDISI
2023



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau



e-BULETIN
2023

FAKULTI
PENGURUSAN
& PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



TRANSFORMASI DIGITAL DI DALAM INDUSTRI KEWANGAN

*Noor Azila Mohd Zaid,
Asma' Rashidah Idris,
Nurain Farahana
Zainal Abidin & Masrul
Hayati Kamarulzaman*

*Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan*

*UiTM Cawangan Negeri
Sembilan Kampus Rembau*

Malaysia sedang menuju ke arah masyarakat tanpa tunai atau pun “*cashless society*” menjelang tahun 2050. Walaupun jarak masa adalah lebih kurang 27 tahun akan datang, namun kerajaan telah mempergiatkan kempen dan mengambil tindakan sewajarnya supaya wawasan tersebut dapat dicapai dalam masa yang telah di rancang.

Malaysia Digital (MD) telah dilancarkan pada bulan Julai 2022 bagi menggantikan ‘*Malaysia Super Corridor*’ (*MSC*) setelah 25 tahun membawa misi ke arah perkembangan digital Malaysia. Terdapat sembilan (9) fokus utama di dalam Malaysia Digital iaitu pelancongan digital, ekonomi digital Islam, perdagangan digital, pertanian digital, perkhidmatan digital, bandar digital, kesihatan digital, kewangan digital dan kandungan digital. Malaysia Digital merupakan suatu inisiatif yang sangat baik dari kerajaan dimana ia telah menggalakkan dan juga menarik syarikat daripada luar, seterusnya meningkatkan aktiviti pelaburan dan memberi pulangan yang baik terhadap negara.

Kewangan digital adalah merupakan salah satu teras di dalam Malaysia Digital. Transformasi digital di dalam industri kewangan ini telah menjadi satu perubahan yang positif dan menunjukkan tren penerimaan yang sangat baik di kalangan rakyat Malaysia khususnya. Transformasi ini sedikit sebanyak telah mengubah cara pelaksanaan

perkhidmatan kewangan dan juga telah mewujudkan pelbagai peluang kepada segenap lapisan masyarakat.

Transformasi kewangan digital ini telah membawa perubahan baru di dalam model perniagaan. Antara contohnya ialah seperti platform peminjaman *peer-to-peer* dan juga sistem pembayaran mudah alih. Sistem pembayaran ini merupakan salah satu contoh model perniagaan digital baharu.



Disamping banyak peluang yang diwujudkan dari transformasi digital kewangan tersebut, tidak dinafikan terdapat juga cabaran baharu di dalam institusi kewangan kesan daripada perubahan yang berlaku masakini. Antara cabaran masakini ialah keselamatan siber. Sebagai contoh, kes yang melibatkan serangan siber adalah serangan penipuan dan pencurian identiti yang merupakan ancaman yang terus berkembang di Malaysia. Institusi kewangan masakini lebih bergantung kepada data digital dan juga berbagai jenis sistem yang digunakan. Oleh itu, ia sangat terdedah dengan penipuan melalui pesanan teks atau laman web palsu.

Penipuan melalui e-mel juga adalah satu ancaman untuk memperolehi data maklumat peribadi dan juga maklumat kewangan.

Secara keseluruhannya, transformasi digital di dalam industri kewangan telah mengubah cara perkhidmatan kewangan masakini. Ia adalah satu perkembangan penting yang telah mewujudkan peluang dan juga cabaran baharu terhadap institusi kewangan di Malaysia.

